

07 AUG 2002

DR MAHATHIR LAWAT MELAKA OKTOBER INI

MELAKA, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual mengadakan lawatan kerja dua hari ke Melaka pada 3 dan 4 Okt depan, kata Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam hari ini.

Katanya pada 3 Okt, Perdana Menteri dijadual merasmikan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam, merasmikan Kompleks Seri Negeri iaitu pusat pentadbiran kerajaan negeri di Air Keroh dan merasmikan Bangunan Pejabat Yang Dipertua Negeri juga di Air Keroh.

"Di sebelah malamnya pula, Dr Mahathir akan merasmikan Hang Tuah Mall di Jalan Hang Tuah yang merupakan pusat perniagaan untuk usahawan bumiputera," katanya kepada pemberita di sini.

Pada 4 Okt pula, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) negeri sebelum merasmikan Pusat Agro Park di sini.

Mohd Ali juga berkata pada 28 Sept, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual merasmikan Konvensyen BN negeri di sebuah hotel di sini.

Selain itu, Mohd Ali berkata, pada 14 Ogos ini, Melaka akan menerima kunjungan Perdana Menteri Timor Timur Xnana Gusmao yang akan melakukan lawatan sehari ke negeri itu.

"Perdana Menteri Timor Timur itu berminat untuk mengunjungi perkampungan Portugis di Ujong Pasir dan mengetahui bagaimana masyarakat Portugis di negeri ini boleh hidup dalam suasana harmoni dan muhibbah dengan kaum lain di sini," katanya.

-- BERNAMA

SBS RHM